

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

ACIS

Syaaban - Ramadhan 1444/ Mac 2023



Ramadhan : Bulan Al-Quran

Madrasah Sufi
dalam Ramadhan **4**

Ramadhan Bukan Bulan
Pesta Makanan **11**

Jaga Lidah Supaya
Pahala Puasa Tidak
Berkurangan **10**

Maqasid Ramadhan:
Hikmah Pensyariatan **7**

Nota Kaki:
Syarat-syarat, Rukun dan Perkara
yang Membatalkan Puasa **8**

eISSN 2600-8289



Nota Kilat:

Syarat-Syarat, Rukun dan Perkara yang membatalkan Puasa

Oleh:

Abdul Mukti bin Baharudin

Jabatan Al-Quran dan As-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS).

Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Pendahuluan

Saban tahun semua umat Islam melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan sebagai satu bentuk terjemahan sifat kehambaan dan ketaatan kepada perintah Allah SWT. Sebagai seorang mukallaf yang dipertanggungjawabkan dengan puasa, ia wajib mempelajari dan mengetahui tentang hukum hakam puasa. Ini kerana ibadat yang ditunaikan hendaklah berteraskan kepada ilmu dan kefahaman, bukannya adat semata-mata. Di antara perkara penting yang perlu diketahui ialah syarat wajib, syarat sah, rukun dan perkara yang membatalkan puasa. Ilmu dan kefahaman tentang perkara tersebut sangat penting bagi memastikan ibadah yang dilakukan adalah bertepatan dan diterima di sisi Allah SWT.

Syarat wajib puasa:

Puasa Ramadan yang disyariatkan menjadi wajib apabila sempurna perkara-perkara berikut:

- Islam.
- Mukallaf (berakal dan baligh).
- Tiada keuzuran yang menghalangnya berpuasa ataupun mengharuskan berbuka seperti sakit dan penyakit tua.

Syarat sah puasa:

Bagi memastikan puasa seseorang yang telah memenuhi syarat wajib puasa itu sah dan diterima, ia perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- Islam.
- Berakal (mumayyiz).
- Tidak mempunyai keuzuran yang menghalangnya daripada berpuasa seperti haid atau nifas, pengsan (sepanjang hari) atau gila.

Rukun-rukun puasa:

Rukun-rukun puasa ialah:

1. Niat di dalam hati – wajib ditentukan niat pada puasa fardu seperti Ramadan, qada', nazar dan kaffarah. Melafazkan niat tidak menjadi syarat, tetapi sunat dilakukan.

- Wajib niat puasa pada tiap-tiap malam di sisi mazhab Syafie. Bagi mazhab Maliki, memadai dengan niat di malam pertama bagi keseluruhan sebulan puasa Ramadan. Maka harus bagi orang yang bermazhab Syafie bertaqlid (mengikut) mazhab Maliki dalam masalah niat, supaya ia tidak dikenakan qada' puasa apabila ia lupa berniat pada mana-mana malam daripada Ramadan.
- Bagi puasa fardu sekalipun puasa nazar atau kaffarah, disyaratkan tabyit, iaitu berniat di malam hari (antara matahari terbenam hingga terbit fajar), sekali pun ia puasa anak yang mumayyiz.

b) Bagi puasa fardu sekalipun puasa nazar atau kaffarah, disyaratkan tabyit, iaitu berniat di malam hari (antara matahari terbenam hingga terbit fajar), sekali pun ia puasa anak yang mumayyiz. Sabda Nabi s.a.w.:

مَنْ لَمْ يُبَيِّتِ الصَّيَّامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَّامَ لَهُ

Maksudnya:

Barangsiapa yang tidak berniat semenjak waktu malam, sebelum terbit fajar maka tiadalah puasa baginya. (Riwayat Abu Daud, Nasai, Ibn Majah dan Ahmad)

- Di dalam niat juga, disyaratkan ta'yin (menentukan) puasa fardu mana yang diniatkan, misalnya Ramadan atau nazar atau kaffarah, dengan cara setiap malam berniat bahawa besok akan melakukan puasa Ramadankah atau nazar atau kaffarah. Maka belumlah mencukupi apabila ia berniat fardu puasa sahaja.
- Sah niat bagi perempuan yang haid dan nifas, jika haid dan nifasnya sudah terhenti sesudah berniat dengan syarat sudah cukup masa haid atau nifas yang terpanjang atau sudah cukup menurut kebiasaannya.
- Sekurang-kurangnya niat puasa Ramadan ialah:

نَوَيْتُ صَوْمَ رَمَضَانَ

Sahaja aku puasa Ramadan.

نَوَيْتُ صَوْمَ رَمَضَانَ

Sahaja aku puasa daripada Ramadhan.

- Sesempurna niat puasa Ramadhan ialah:

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرِيضِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku berpuasa esok hari bagi menunaikan fardu Ramadan pada tahun ini kerana Allah Taala.

- Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa.



Perkara-perkara yang membatalkan puasa:

Selain mengetahui berkenaan syarat wajib, syarat sah serta rukun puasa, seorang muslim juga wajib mengetahui perbuatan atau perkara-perkara yang membatalkan puasa. Di antara perkara-perkara yang membatalkan puasa pula ialah:

- i. Memasukkan sesuatu ke dalam rongga melalui liang yang terbuka dengan sengaja walaupun sedikit, atau menelan kahak yang telah dikeluarkan hingga had yang zahir iaitu makhraj ha' (ح) atau masukkan kembali tahi sembelit selepas daripada keluarnya.
- ii. Muntah dengan sengaja.
- iii. Jima' dengan sengaja iaitu dengan memasukkan sekalian hasyafah (kepala zakar) atau kadarnya. Memasukkan setengah daripada hasyafah tidaklah membatalkan puasa orang yang memasukkannya tetapi batal puasa orang yang disetubuhi kerana sampai 'ain ke dalam rongganya.
- iv. Mengeluarkan mani secara sengaja.

- v. Gila, walaupun satu detik dalam harinya.
- vi. Pitam sepanjang hari iaitu bermula daripada naik fajar hingga jatuh matahari.
- vii. Berbuka puasa sebelum daripada dipastikan jatuh matahari, atau zhon bahawa matahari telah jatuh, jika tidak nyata keadaan baginya.
- viii. Murtad.
- ix. Kedatangan haid atau nifas.
- x. Wiladah (bersalin).

Kesimpulan

Sesungguhnya Ramadan itu hadir kepada umat Islam sebagai satu bentuk tarbiah dari Allah SWT untuk semua umat Islam kembali dan mengingati tujuan kejadian semua makhluk di atas muka bumi ini iaitu untuk beribadah kepada Yang Maha Esa. Atas dasar itu, kesempurnaan ibadah yang dilakukan hanya akan dapat dicapai dan benar-benar dihayati melalui kefahaman dan ilmu yang benar berkaitan perkara tersebut.